KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

# KENYATAAN MEDIA

## KKDW Komited Laksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam

---

**PUTRAJAYA, 16 Ogos** - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) komited untuk melaksanakan reformasi budaya kerja yang lebih agresif, selaras dengan Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 (MAPPA XIX) oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Warga kerja KKDW akan terus meningkatkan produktiviti dan kecekapan untuk mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi seiring dengan semangat Reformasi Perkhidmatan Awam (*Civil Service Reform*) bagi menjayakan agenda Malaysia MADANI.

Sistem Saraan Malaysia (SSM) digantikan oleh Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang lebih kompetitif ini, bukan sahaja memberi suntikan semangat baru kepada warga kerja KKDW, malah menjadi inspirasi untuk lebih berdaya saing dan beriltizam membawa perubahan kepada pembangunan negara.

Selain memastikan reformasi dapat dilaksanakan dengan lebih agresif, SSPA dengan penyelarasan gaji yang lebih baik ini juga akan membantu mengurangkan risiko rasuah, ketirisan dan pembaziran yang sering menjadi cabaran dalam sektor awam. Justeru, tatakelola dalam sistem pengurusan dan pentadbiran KKDW akan diperkemas dan diperkukuhkan lagi. Warga kerja KKDW turut diingatkan supaya tidak memandang ringan dan remeh soal nilai serta integriti yang menjadi tonggak perkhidmatan awam.

Sebagai sebuah kementerian yang memegang amanah untuk memajukan pembangunan dan kelestarian desa, warga kerja KKDW berikrar untuk memastikan setiap reformasi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh seiring misi 'Luar Bandar Sejahtera'.

Seluruh warga kerja KKDW merakamkan setinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas keprihatinan beliau terhadap kebajikan penjawat awam dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam dalam merealisasikan penghasilan SSPA.

-TAMAT-

**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**
**16 Ogos 2024**